

Berita JMM

Newsletter of the Department of Museums Malaysia



BERITA JMM JILID 14/ BIL.2 MEI - OGOS 2013 | ISSN 2231 - 8321



MENARIK DI DALAM

3 SEKITAR MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN 50 TAHUN MUZIUM NEGARA

6 THE SPLENDOUR AND COLOURFUL CELEBRATION OF INTERNATIONAL MUSEUM DAY IN KUCHING, SARAWAK

16 ANECDOTE FROM WAVENEY

23 "STORY TELLING" DAN "PUPPET SHOW"



Syukur ke hadrat Allah SWT kerana telah memanjangkan usia kita dan berpeluang bertemu lagi dalam edisi Berita JMM Jilid 14/Bil. 2/2013. Masa berlalu begitu pantas, tanpa disedari kita kini berada dalam bulan Ogos. Alhamdulillah, sepanjang lapan bulan yang lalu, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) berjaya melaksanakan pelbagai program sebagaimana yang diwar-warkan menerusi laman web.

Edisi kali ini memaparkan peristiwa yang bersejarah kepada Jabatan Muzium Malaysia serta Muzium Negara khususnya, iaitu Majlis Sambutan 50 Tahun Muzium Negara yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia yang baharu dilantik. Pelbagai aktiviti sempena sambutan tersebut telah dilaksanakan dengan baik, antaranya termasuklah Seminar dan Bicara 50 Tahun Muzium Negara, Program Bermalam di Muzium Negara, Pameran 50 Tahun Pembentukan Malaysia dan Majlis Makan Malam 50 Tahun Muzium Negara.

Pengisian kali ini juga turut memuatkan Sambutan Hari Muzium Antarabangsa (HMA) Peringkat Kebangsaan kali yang ke-17 yang telah dilaksanakan dengan jayanya di Kuching, Sarawak. Pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan sepanjang tempoh sambutan HMA seperti pameran, seminar, bengkel, sukan, riadah, aktiviti kemasyarakatan dan keagamaan.

Turut dimuatkan juga pelbagai aktiviti riadah dan sahsiah yang dianjurkan untuk warga JMM. Harapan saya keluaran yang kedua ini kekal bersama bijaknya seorang ilmuan dan hikmahnya seorang pemikir. Saya berkeyakinan menerusi sikap profesionalisme dan semangat kerjasama yang sedia terjalin, kita sama-sama akan dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan ini dengan jayanya. Usaha ini juga dapat meningkatkan prestasi JMM sebagai institusi permuziuman yang unggul dalam memelihara warisan khazanah negara.

Sebarang pandangan dan kritikan membina amatlah bermakna bagi Sidang Pengarang untuk memperbaiki dan meningkatkan persembahan serta kandungan buletin ini.

Sekian, terima kasih.
"Kunjungilah Muzium"

Azmi bin Ismail
Bahagian Perkhidmatan Muzium

Penasihat
Dato' Ibrahim bin Ismail

Ketua Editor
Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff

Editor
Kamarul Baharin bin A. Kasim
Mohd Azmi bin Mohd Yusof
Azmi bin Ismail

Penyelaras
Bahagian Penyelidikan

Reka bentuk dan Reka letak
CiME Adv Sdn Bhd

Fotografi
Sumber Media

Edaran
Unit Perpustakaan

Diterbitkan oleh
Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Damansara,
50566 Kuala Lumpur.
Tel.: (+603) 2267-1000 (+603) 2282-6255
Faks: (+603)2282-6434
<http://www.jmm.gov.my>

Dicetak oleh
Affin Press
No.46, Jalan 2/108, Taman Salak Jaya,
Salak Selatan, 57100 Kuala Lumpur.

Berita JMM

**Diterbitkan empat bulan
sekali. Buletin ini juga
boleh dimuat turun
daripada laman web JMM.**



SEKITAR MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN 50 TAHUN MUZIUM NEGARA

Oleh: **Mohd Khairul Azhar bin Mustapa**, Muzium Negara (azhar_liz12@yahoo.com)

Tarikh 31 Ogos merupakan detik keramat bagi seluruh rakyat Malaysia kerana pada tarikh tersebut saban tahun kita akan menyambut hari kemerdekaan negara. Pada tahun ini, Malaysia telah menyambut hari kemerdekaan yang ke-56 dengan tema 'Malaysiaku Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku'. Pada tarikh inilah juga Muzium Negara menyambut ulang tahun Jubli Emas yang ke-50 tahun sejak perasmian pada 31 Ogos 1963.

Program Perasmian Sambutan Jubli Emas Muzium Negara yang berlangsung pada 31 Ogos 2013 telah dimulakan sejak awal pagi dengan acara melukis mural dan juga program 'Kibar Jalur Gemilang' sempena perayaan hari ulang tahun kemerdekaan yang ke-56 tahun. Acara perasmian bermula



pada sebelah petang dengan ketibaan peserta konvoi kereta dari kelab kancil dan motosikal berkuasa tinggi yang memeriahkan lagi suasana perasmian 50 Tahun Muzium Negara. Pada pukul 4.30 petang, iaitu waktu yang sama pembukaan Muzium Negara pada tahun 1963, berlangsunglah acara perasmian 50 Tahun Muzium Negara yang disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Kemuncak acara perasmian itu ialah pelancaran Duit Syiling Peringatan Jubli Emas Muzium Negara berserta setem khas dan sampul surat pertama menerusi kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan Bank Negara Malaysia dan Pos Malaysia Berhad. Selesai acara di pentas, YB Menteri kemudiannya dibawa melawat ke ruang pameran bertema "50 Tahun Pembentukan Malaysia" di Dewan Tengah Muzium Negara, dan seterusnya melancarkan aplikasi 'M-Code' di Galeri B Muzium Negara. Aplikasi ini akan membolehkan para pelawat mendapat maklumat koleksi yang dipamerkan di Muzium Negara secara lebih terperinci menerusi telefon bimbit mereka. Pada akhir acara perasmian ini, YB Menteri secara simboliknya melepaskan 50 ekor rama-rama tanda 50 tahun usia bangunan Muzium Negara ini dibina.





PROGRAM PENYERLAHAN SAMBUTAN 50 TAHUN MUZIUM NEGARA

Oleh: **Mohd Khairul Azhar bin Mustapa**, Muzium Negara (azhar_liz12@yahoo.com)

Bersempena ulangtahun ke 50 tahun yang disambut pada 31 Ogos 2013, program dan aktiviti sampingan telah diatur bagi memeriahkan lagi acara sambutan ini antaranya ialah Pameran 50 Tahun Pembentukan Malaysia, Seminar Bicara 50 Tahun Muzium Negara dan program "Bermalam di Muzium" yang disertai oleh pelajar-pelajar sekolah dari sekitar Lembah Klang. Turut diadakan juga majlis tahlil perdana dan jamuan makan malam bagi meraikan bekas pegawai dan kakitangan Muzium Negara yang diadakan pada 2 September 2013. Antara tetamu yang hadir termasuklah mantan Pengarah dan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, iaitu Dato' Shahrum Yob, Dato' Dr. Kamarul Baharin bin Buyong dan Dato' Paiman bin Keromo.

Turut hadir ialah isteri mantan Ketua Pengarah Allahyarham Dato' Dr. Adi bin Hj. Taha, iaitu Datin Wan Aminah binti Wan Yusoff dan Puan Fadiah binti Ab. Latif yang turut menerima penghargaan mewakili seorang lagi bekas Ketua Pengarah, iaitu Tuan Haji Zulkifli bin Abd. Aziz.

Dalam usia menjangkau separuh abad ini, Muzium Negara diharap dapat terus mengukuhkan tradisi kecemerlangannya bukan sahaja sebagai sebuah gedung khazanah budaya dan sejarah tetapi juga sebagai sebuah pusat sumber ilmu yang disegani.





THE SPLENDOUR AND COLOURFUL CELEBRATION OF INTERNATIONAL MUSEUM DAY IN KUCHING, SARAWAK, MALAYSIA

By: **Sitti Rabia binti Abd. Rahman**, Muzium Labuan (sitti_rabia@jmm.gov.my)

On 22 until 26 of May 2013, the museums community from all over Malaysia converged in the city of Kuching, Sarawak to celebrate the most awaited event of the year, the International Museum Day. (IMD)

To the international museum community, the IMD celebration may come off as a personal event, but in Malaysia, it is celebrated at national level almost at par as the national sport competition or museums national annual assembly! Since it was first celebrated in Malaysia, it has been the practice that all museums will be invited to participate in a week-long celebration filled with sport competition, community service, international seminar and dinners. And the most interesting part is that since Malaysia consists of 14 states, a special committee headed by the Department of Museums

Malaysia will select a member state to host this annual event. This selection process will be rotated amongst the member states every year.

In 2013, the IMD celebration in Kuching made a history when the

ICOM very own President, Dr. Hans Martin-Hinz, accepted the invitation as a guest of honour. He graciously participated in the events with his presence and delivered his keynote address during the opening of the International Seminar on Memories and Creativities in Rock Art at Merdeka Palace Hotel.





Apart from that, he also participated in a Community Service Programme that took place at Kampung Pasir Panjang, Kuching.

This a week-long celebration started off with a welcoming dinner for all the participants on 22 May 2013. The dinner was inaugurated with speeches from Y.Bhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Director General of the Department of Museums Malaysia and YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani, the State Secretary of Sarawak. Both speeches touched and elaborate on the IMD's Celebration Theme which is Museums (Memory + Creativity) = Social Change.

The following day, on 23 May 2013, the IMD celebration in Kuching was officiated by the Chief Minister of Sarawak, YAB Pehin Sri Haji Taib bin Mahmud at the Dewan Tun Abdul Razak, Sarawak Museum. It was followed by an International Seminar on Memories and Creativities in Rock Art in the afternoon at Merdeka Palace Hotel. The papers presenters were Dr. Stephen Chia from Malaysia Science University, Dr. Achmad

Sopandi Hasan from Universitas Negeri Jakarta, Indonesia, Dr. Amara Srisuchat from National Museum, Thailand, Prof. Dr. Paul Tacon from Griffith University and Prof. Dr. Darren Curnoe from New South Wales University, Australia.

The seminar was divided into two sessions in which the first session was moderated by Mr. Ipoi Datan, Director of Sarawak Museum and the

second session by Dr. Charles Leh, Deputy Director of Sarawak Museum. In the evening, a visit to Laila Taib Welfare Complex in Petra Jaya, Kuching was filled with a congregation prayer and a recitation of Surah Yassin for the muslims. Later on, all museums directors, IMD participants and the complex residents were invited to a dinner accompanied by music performances.



The next day, on 24 May 2013, all the participants were transported to Kampung Pasir Panjang, situated in the outskirts of Kuching as early as 6.30 in the morning. The Programme was a Community Service in which all the participants rendered their valuable services in a variety of household works including cleaning up the village area, repairing and painting the worn-out community assembly hall, as well as preparing the traditional cakes together with the villagers.

The programme was officiated by YB Dr. Abdul Rahman bin Junaidi, the Pantai Damai Executive Member and the highlight was the presentation of books contribution to the Pasir Panjang Primary School. In the afternoon, a bowling friendly

match between all museum directors and the Sarawak State Secretary Team took place at Riverside Super Bowl. On 25 May 2013, all the participants were invited to visit a number of interesting places in the Kuching vicinity such as the Cat Museum, the Astana and the traditional markets. In the afternoon, a football friendly match between the museum community and the media took place at the State Stadium.

The next day, on 26 May 2013, all the museum community as well as the public participated in Museum Historical Walk programme and Sport Carnival which began early in the morning at St. Thomas Elementary School. For the Historical Walk, the programme ended with a

lucky draw event that received a huge response from the participants. Meanwhile for the sport carnival, the participants had a chance to hone their skills in pounding and husking the paddy, husking and grating the coconut, corn shucking, pipe-blowing and tug-of-war. After a week-long of colourful events and programmes, the IMD celebration in Malaysia came to its finale in a closing ceremony at Riverside Majestic Hotel. The closing speech was delivered by YB Tan Sri Dato Sri William Mawan Ikom, Minister of Sarawak Social Development. The ceremony was graced with performances from KALBAR Province Museum, Pontianak and PADAT, the host for IMD celebration for 2014 in Selangor.





SEMINAR HARI MUZIUM ANTARABANGSA “MEMORY AND CREATIVITY IN ROCK ART”

Oleh: **Zuniwati binti Ab. Rahman**, Muzium Negara (zuniwati@jmm.gov.my)

Pada 23 Mei 2013 yang lalu, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kerjasama Jabatan Muzium Sarawak (JMS) telah menganjurkan Seminar “Memory and Creativity In Rock Art” bersempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2013. Seminar yang berlangsung di Balai Merdeka, Hotel Merdeka Palace, Kuching ini bermula dari jam 1.30 petang hingga 5.00 petang.

Antara objektif seminar ini ialah meningkatkan kesedaran tentang kepentingan “rock art” atau lukisan gua sebagai salah satu aspek penting dalam penyelidikan sejarah dan arkeologi yang boleh menyumbang kepada pengetahuan tentang budaya dan kehidupan masyarakat silam.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh YBhg. Dato’ Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM

diikuti ucap tama oleh Presiden ICOM, Dr. Hans-Martin Hinz. Sebanyak lima kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar ini oleh lima pembentang dari dalam dan luar negara. Mereka terdiri daripada Prof. Madya Dr. Stephen Chia dengan kertas kerja yang bertajuk “Rock Art In Malaysia”, Dr. Achmad Sopandi Hasan “Rock Art In

Kalimantan, Indonesia”, Prof. Dr. Paul Tacon “The Protect Australia’s Spirit Campaign: Our Unique Rock Art Under Threat”, Dr. Darren Curnoe “Challenges Posed By The “Extended Synthesis” Of Evolutionary Biology For Interpreting and Presenting Human Origins” dan Dr. Amara Srisuchat “Rock Art In Thailand: A Legacy of the Past”. Seminar ini dilangsungkan dalam dua sesi berasingan yang masing-masing dipengerusikan oleh Encik Ipoi Datan, Pengarah JMS dan Dr. Charles Leh, Timbalan Pengarah JMS. Seminar ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran kira-kira 200 orang peserta dari seluruh negara termasuklah muzium-muzium negeri, agensi-agensi kerajaan dan swasta, pelajar-pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi serta orang perseorangan.





LAWATAN PRESIDEN ICOM KE MUZIUM TEKSTIL NEGARA

Oleh: **Zambri Unyah**, Muzium Tekstil Negara (zambriunyah@jmm.gov.my)

Presiden ICOM, Prof. Dr. Hans – Martin Hinz telah mengadakan lawatan ke Muzium Tekstil Negara pada 25 Mei 2013. Ketibaan beliau telah disambut oleh Pengarah, Puan Janet Tee Siew Mooi bersama pegawai dan kakitangan Muzium Tekstil Negara. Prof. Dr. Hans – Martin Hinz telah dibawa melawat galeri-galeri pameran dan diberi penerangan berkaitan penubuhan Muzium Tekstil Negara, teknik peragaan pameran, artifak yang dipamerkan, penjagaan koleksi dan kawalan keselamatan koleksi dan bangunan oleh Puan Janet bersama Kurator dan Penolong Kurator Muzium Tekstil Negara.

Dalam lawatannya, Prof. Dr. Hans – Martin Hinz memuji peranan yang dimainkan oleh Jabatan Muzium Malaysia dalam memastikan penerusan warisan sejarah dengan penubuhan sebuah muzium khusus untuk tekstil dan usaha ini lebih menarik apabila pengekaln warisan tekstil dibuat bersekali dengan pengekaln bangunan warisan.





KUNJUNGAN TETAMU KEHORMAT KE MUZIUM NEGARA

Oleh: **Mohd Khairul Azhar bin Mustapa**, Muzium Negara (azhar_liz@yahoo.com))

Muzium Negara telah menerima beberapa kunjungan hormat dari dalam dan luar negara sepanjang bulan Mei hingga bulan Jun 2013. Antara tetamu kehormat yang berkunjung termasuklah:

Tarikh	Delegasi
10 Mei 2013	Lawatan delegasi dari Guangxi Zhuang Autonomous Region Ethnic Affairs Commission China.
20 Mei 2013	Prof. Dr. Hans-Martin Hinz, Presiden, International Council of Museums (ICOM).
23 Mei 2013	Pegawai dari Republic Singapore Air Force (RSAF) bersama lima pegawai Tentera Udara Diraja Malaysia.
11 Jun 2013	Lawatan delegasi luar negara sempena 13th International on the Contributions of Psychology to Peace Conference, Jabatan Psikologi, UIA, Gombak.
18 Jun 2013	Lawatan Korea – Sempena Malaysia Youth Exchange Programme, anjuran Kementerian Belia dan Sukan Negara.

Aturcara dimulakan dengan taklimat ringkas mengenai Muzium Negara disusuli lawatan berpandu ke setiap galeri. Kesemua lawatan tersebut dikendalikan oleh Kurator Unit Pendidikan dan Khidmat Seranta Muzium Negara, Cik Kiew Yeng Meng.





SUMBANGAN KELENGKAPAN JAMUAN RASMI KERAJAAN OLEH JPM

Oleh: **Azlina binti Ariffin**, Bahagian Pendaftaran, (azlina@jmm.gov.my)

Jabatan Muzium Malaysia telah diberi kepercayaan menjalankan kerja-kerja inventori pembungkusan sumbangan koleksi Set Peralatan Pinggan Mangkuk Rasmi Kerajaan dari Jabatan Perdana Menteri, Seksyen Persidangan Antarabangsa, Pengurusan Bahagian Istiadat dan Urus Setia Persidangan Antarabangsa Putrajaya.

Sejumlah 397 koleksi diterima yang dikategorikan kepada 55 jenis. Koleksi

set pinggan mangkuk ini merupakan set pinggan mangkuk yang pernah digunakan oleh Menteri Kabinet semasa Jamuan Makan Rasmi.

Tugasan ini melibatkan kerja-kerja inventori serta rekod dokumentasi koleksi dan pembungkusan koleksi. Koleksi ini perlu dibuat pembungkusan yang selamat kerana ia amat sensitif dan mudah pecah. Tujuan penyerahan koleksi ini ialah menjaga nilai sejarah

dan estetika bagi set-set berkenaan. Hasil sumbangan ini dilakukan supaya set peralatan pinggan mangkuk ini dapat dijadikan sebagai pengisian peragaan pameran oleh pihak Jabatan Muzium Malaysia untuk dijadikan tatapan dan perkongsian umum kepada masyarakat.





PENGURUSAN KOLEKSI MUZIUM DIRAJA

Oleh: **Azlina binti Ariffin**, Bahagian Pendaftaran, (azlina@jmm.gov.my)

Jabatan Muzium Malaysia telah melaksanakan aktiviti pengurusan koleksi Muzium Diraja. Tugasan ini dibahagikan kepada dua kumpulan utama mengikut ruang dan bilik yang telah ditetapkan. Kerja-kerja tersebut merangkumi kerja-kerja penyemakan dan pembersihan koleksi. Proses kerja penyemakan dan pembersihan koleksi ini telah dirancang dan mengikut jadual tugasan yang telah ditetapkan.

Sebelum kerja-kerja penyemakan dan kerja-kerja pembersihan ini dijalankan, Bahagian Pendaftaran telah menyediakan Katalog Koleksi Istana Negara Lama sebagai rujukan awalan yang dilaksanakan pada tahun 2012. Jumlah keseluruhan koleksi ialah 2843 koleksi melibatkan 44 ruang bilik, ruang laluan dan kawasan persekitaran istana. Hasil daripada

kerja berpasukan yang ditunjukkan oleh semua kakitangan, kerja-kerja yang dilaksanakan dapat disiapkan dalam jangkamasa yang telah ditetapkan.

Kerja-kerja pembersihan koleksi dilakukan dengan cermat dan teliti bagi memastikan koleksi tidak rosak,

berada dalam keadaan yang baik dan selamat. Program ini merupakan salah satu tugas persediaan awal bagi pembukaan Istana Negara Lama yang akan dikenali sebagai Muzium Diraja kepada umum. Koleksi-koleksi ini mampu menarik minat lebih ramai pengunjung ke Istana Negara Lama.





Sidang Media Pameran Katak dan Kodok di Muzium Alam Semula Jadi, Putrajaya pada 22 Mac 2013.



'Japan Handmade Textile Talk and Workshop' di Muzium Tekstil Negara, Kuala Lumpur pada 11 Mei 2013.



Program Muzium Bersama Komuniti di Muzium Perak, Taiping, Perak pada 6 Julai 2013.



Perhimpunan Bulanan JMM Bil. 4/2013 di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia pada 26 Ogos 2013.



ANECDOTE FROM WAVENEY

By: Datin Waveney Jenkins, SK. MBE.

Notes on the setting up of Muzium Negara 1960s

The creation of Muzium Negara in 1963 was an extraordinary accomplishment. The contents of the original museum were almost totally annihilated by a bomb in the 2nd world war. This meant that to set up a new museum, the creators would either have to raid other museums in the area for what artifacts remained or be extremely creative. Mubin Sheppard, later Tan Sri, opted for the latter option and with the help of advice from across the globe and a team of enthusiastic curators and historians began to evolve a museum which depended for the most part on visual recreation of the most important areas of history, culture and natural history. Working with dioramas was a new science, and the exciting and dramatic scenarios in our museums today were still a far off dream. But Tan Sri Mubin with a very

young and creative team was able to create a stimulating and wide-ranging series of exhibits on a tiny budget. This budget had to also cover the new building and Tan Sri Mubin managed to ensure that the building itself included many important cultural and artistic components.

I arrived in Malaysia in June 1962 as a very young bride. After a couple of months of idleness and soaking up the sun, I happened to meet Murad Hashim at that moment working with Esso. He had been talking with the famous artist Hoessein Enas who was acting as a consultant with the Museum on artistic matters, and knew that they needed an experienced sculptor to assist with modeling the dioramas that were planned for the historical gallery. He discovered that I had the rudiments of a training as a sculptor. I had spent several months in Paris attending classes at a wonderful old fashioned

school the Academy Julien, and in London had gone part time to the City & Guilds Art school taking sculpture classes there, but rudimentary was the correct description. However, it was more than anyone else around and within a couple of weeks I had been taken on at \$120 a month, minus my EPF contributions, as an artist to help complete the dioramas. These had been thought out by Mubin Sheppard with the expert input of John Lowry from the Victoria & Albert Museum in London on the technical side, and from Hoessein Enas and Ismail Bakhti on matters cultural.

The latter caused us artists constant strife, he was a perfectionist and quite capable of changing his mind if something that struck him as more suitable turned up. I remember one day when we had almost completed the very detailed painting required for the costumes of the Court dancers

diorama; Pak Ismail appeared with a length of beautiful songket in a totally different colour and pattern. We had to paint over our previous efforts and start again. His portrait is immortalized in the Silat diorama: the wonderful face modeled by my very fine co-artist, Hassan Yussof, for the crouching silat performer on the back centre left.



However, my initial introduction to museum work was to arrive at the offices of the Immigration Dept, whose central hall had been commandeered as our studio. Bemused immigration officers were kept to the first floor, and around the edges of the hall. We as far as I can remember, worked in the centre under the supervision of our mentor, Wahab.....* who added a note of maturity and was also determined to teach me to speak Bahasa fear I never lived up to his expectations, but was always grateful for this early tuition in the language. We certainly gave the queues of those awaiting their passports an excellent entertainment until temporary partitions were added.

I think the distraction we caused made the authorities think again, and shortly afterwards we were moved into what must have been the director's garages very much quieter. Here we made the initial skeletal frameworks, and modeled the figures using the plaster of paris bandages more normally used for broken limbs. Finer work was carried out using dental plaster. Once dried which took some time, the figures were painted. As an excellent artist, Hassan took charge here and also completed the backgrounds to the dioramas. At this stage we moved into the new

museum building taking up residence in spacious rooms under the main galleries. Hoessein Enas used to visit often to give criticisms and ideas and the concept of a mural depicting Hang Tuah was broached. I had carried out some bas reliefs at art school and together with Hoessein and Tan Sri Mubin, the design of the sculpture was worked out to include a couple of scenes from his life and the famous saying "Ta' Melayu Hilang di Dunia". I modelled the mural (more properly described as a bas-relief) in clay. It took about six months in total from the initial designs through to completion and installation. As far as I can remember, and working back it was completed around August 1963. I was about 4 months pregnant by this time!

Once the design was finally approved by Tan Sri Mubin and Hoessein Enas, the museum boys made a large plywood screen very solid, I can't remember how it was held upright, but it had a slight slant to it. We then covered this with nails, bits of wire etc, before laying on a fairly thin layer of moist clay.

I then drew, with a knife, the basic outlines of the design, and began the work of gently building up the

masses for the figure, and the scenes to either side. This had to be done quite slowly, otherwise the clay could have slumped, and the whole thing might have just slid off the base. At this time we chose the models for the figure of Hang Tuah. One morning Tan Sri rang tell me to come dressed in my best, plus a hat as it would be hot and I discovered that he had arranged for us to inspect the First Royal Malay Regiment to choose a soldier to model for the bas relief.

A very dashing young officer turned up in a sports car to lead us to the Military Camp at Sungei Besi, and invited me to ride with him, but Tan Sri was highly suspicious of the officer's intentions, and insisted I ride with him in his very ancient and hot old car.

When we arrived I was very glad I had worn a big hat, as it was incredibly hot, and we spent what seemed like hours walking up and down the ranks of soldiers comparing their faces what they thought of it all I never discovered! In the end we chose two of them who had good strong features that Tan Sri felt gave the right character and that I felt would be good to model, and they were instructed to come for sittings I think it was on alternate days. I can't remember now which features I used from whose face but they also were able to pose in the right position, holding the kris etc. I think they quite enjoyed it. I would build up the forms with a series of small rolls or balls of clay, beating them to fuse them with the background clay, and then using a series of knives and wooden tools gradually draw out the shapes and features I wanted.

I worked with the help of a couple of museum guards one of them, Abdul Ghani, was still working there when we had the commemorative party a couple of years back. They would help me prepare the clay, and to clean up after I finished working, and they also helped me spray the whole with water to keep it damp. When I wasn't working, it would all be covered up with damp cloths and plastic sheeting.

I had a big problem when I was happy with the completed figures as Tan Sri decided that in the end, the faces we had chosen weren't tough looking enough, and he asked me to change the nose at this stage this was extremely difficult and I have never been happy with the result! I felt it was better before, but Tan Sri's word was law. Once completed, the bas relief was then cast by Brady's Plaster, a firm that specialised largely in plaster ceilings. They weren't experienced in casting such a work, and we had lots of problems with the undercuts. They made a pretty solid mould from the clay original, in sections. These were then removed, cleaned out and treated with soft soap and wax to make a slippery and impermeable membrane before the cast was poured. The mould was then reassembled and held in a frame.

They then poured in a mix of liquid plaster, reinforced with fibreglass and wire rods. Then the fun began, getting this out of the mould. It was incredibly difficult, and I can remember tempers running high we sluiced water through it, and I think some of the mould broke but in the end we managed to separate the parts, and then I had the

task of touching up where damage had occurred while forcing the mould off.

Nowadays you use a flexible rubber mould life was harder then! The next worry was getting it to dry adequately before I could paint on the finishing coat of paint to look like bronze with an old patina. The day of the opening ceremony was coming up fast it and I seem to remember I finished the painting when it was already in situ in the gallery.

The panel has travelled all around Kuala Lumpur in the intervening 50 years and been painted in all shades of bronze and gold. I was so delighted to see it reinstated in the main gallery of Muzium Negara last time I visited and with the proper bronze patina re-applied. Tan Sri would be delighted too! Once this was



completed I created a series of simple panels illustrating the correct holds for the kris, I was amused and delighted to find these being used in an exhibition in Johore Bahru about 20 years later!

The opening of the Museum on August 31st 1963 was officiated by the Yang di Pertuan Agong of the moment the Raja of Perlis, along with the Prime Minister, YM Tunku Abdul Rahman.

It was a fantastic occasion and there are some photographs of it at the Museum. My official employment at the museum ended that day. But I have always felt so welcome and have been part of many activities such as the art class set up by Puan Sri Sambathan in the 1970s which was a great success. I note many of our pupils are now very eminent Malaysians!

Later of course Muzium Negara played a vital role in enabling the Spirit of Wood Exhibition of Malay Woodcarving to travel to Singapore and then to London, before it returned to a wonderful showing in the Galleries of the Museum in KL when an international seminar brought together many luminaries of the world wide museum and artistic world to discuss how to retain the vital components of Malay design.

I am so sad that I am unable to travel back to Kuala Lumpur for this wonderful occasion of the 50th Anniversary but I send my warmest wishes to all my friends in the Museum, and hopes for continued successes for all.



KEDAH INTERNATIONAL MOUNT JERAI CHALLENGE 2013

Oleh: **Nurul Azlida binti Ghozali**, Muzium Arkeologi Lembah Bujang (azlida@jmm.gov.my)

Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah digegarkan lagi dengan penganjuran acara Kedah International Mount Jerai Challenge 2013. Tarikh 14 dan 15 Jun 2013 telah dipilih bagi melengkapkan Sirkuit Cabaran Gunung Negara 2013 dengan menjadikan Gunung Jerai sebagai Sirkuit 3 selepas acara Sirkuit 1- Yam Tuan Amtah Mount Datuk Challenge Negeri Sembilan, Sirkuit 2- Terengganu Mount Berembun Green Challenge dan Sirkuit 4 Grand Final-Selangor Mount Nuang Challenge. Acara pendakian lasak atau *climbathon* gunung ini telah disertai oleh ramai peserta dari dalam dan luar negara dan menawarkan hadiah keseluruhan sebanyak RM50,000.00 meliputi hadiah wang tunai dan hadiah iringan.

Tujuan program ini diadakan adalah bagi mempromosikan Gunung Jerai serta Muzium

Arkeologi Lembah Bujang dan produk sekitarnya yang terkenal dengan keunikan sejarah dan kaya dengan khazanah alam semula jadi. Ia menjadi aset pelancongan di negeri Kedah yang perlu dihayati oleh semua pihak terutama dari segi sejarah, sukan rekreasi, perhutanan, alam sekitar dan pendidikan.

Program anjuran Persatuan Kembara Negara dengan kerjasama Jabatan Pelancongan Negeri Kedah dan Muzium Arkeologi Lembah Bujang ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Rawi bin Abd. Hamid, Pengerusi Jawatankuasa Agama, Pelancongan, Sumber Manusia, Masyarakat India dan Siam Negeri Kedah. Acara diteruskan lagi dengan lawatan rasmi dan taklimat di Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Bagi melengkapkan acara dan memeriahkan suasana, pertandingan mewarna kanak-kanak Tabika KEMAS



telah diadakan dengan penyertaan seramai 50 orang pelajar tabika KEMAS Pekan Merbok dan Kampung Hilir, di samping hadiah disediakan untuk pengunjung bertuah ke Galeri Muzium Arkeologi Lembah Bujang.



LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH KE RUMAH TENGKU FATIMAH ZAHARAH

Oleh: **Azlina binti Ariffin**, Bahagian Pendaftaran (azlina@jmm.gov.my)

Barangkali ramai masyarakat yang tidak menyangka bahawa kawasan yang menjadi pusat intelektual di Universiti Kebangsaan Malaysia ada memiliki sebuah taman yang dikenali sebagai Taman Pantun. Di sinilah tersergamnya rumah Tengku Fatimah Zaharah milik Jabatan Muzium Malaysia yang telah dipindahkan pada tahun 2000 dari Kota Bharu Kelantan dan ditempatkan di taman ini sebagai pengisian bagi penubuhan Muzium Etnologi Dunia Melayu.

Binaan rumah tersebut dirombak pada tahun 2002 dan telah disimpan di Muzium Lukut selama lima tahun sebelum dipasang semula pada tahun 2006. Menyingkap sejarah pemilik asal rumah ini ialah Tengku Hamidah Tengku Mansor, merupakan Puteri Bongsu kepada Tengku Mansor. Tengku Hamidah telah berkahwin dengan Tengku Chik dan

mempunyai seorang putera, Tengku Zainal Abidin dan seorang puteri, Tengku Fatimah Zaharah. Apabila berada di dalam kawasan ini seolah-olah kita berada dalam suasana kehidupan Istana Lama. Struktur binaannya masih kelihatan utuh dan kukuh berdiri serta terpelihara.

Sekitar kawasan rumah ini dikelilingi dengan pepohon yang hijau dan merimbun. Difahamkan kawasan ini berkonsepkan laman ilmu. Ia diserikan dengan papan tanda memaparkan pelbagai jenis pantun yang diletak di pangkal setiap 199 batang pokok yang merangkumi pokok buah-buahan, herba dan pokok hiasan di taman itu. Pantun-pantun ini dikarang oleh warga Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM (ATMA).

Taman Pantun ini telah dirasmikan oleh YBhg. Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Habsah Syed Hassan

Shahbudin, Naib Canselor UKM pada 28 Februari 2013. Antara program yang pernah diadakan di taman ini termasuklah Akreditasi Jabatan Seni Alam Bina UKM, Alumni Seni Bina serta kajian dan lukisan terukur.

Pihak Jabatan Muzium Malaysia telah meluangkan masa dan mengadakan lawatan rasmi ke Taman Pantun UKM yang diketuai oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia dan pegawai-pegawai kanan. Rombongan JMM ini telah disambut mesra oleh pihak ATMA yang diwakili oleh Prof. Dr Abdul Latif Samian, Pengarah ATMA, Prof. Dr. Idris Aman, Timbalan Pengarah ATMA, Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi, Felo Utama, Cik Suriani Md. Noor, Pegawai Penyelidik Sosial dan Pn Siti Azura Abd Rahim, Penolong Pendaftar. Tujuan lawatan



ini adalah untuk mengeratkan jalinan kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia dengan ATMA UKM. Rentetan daripada lawatan rasmi ini, semua pegawai telah dibawa melawat di kawasan sekeliling Rumah Tengku Fatimah Zaharah termasuk di dalam setiap ruang sambil di berikan penerangan oleh Pengarah ATMA.

Binaan rumah ini memiliki Modul Dapur dan Modul Rumah Ibu yang dihubungkan dengan jemuran yang merupakan reka bentuk asas Rumah Kelantan yang dipanggil sebagai Rumah Bujang. Di samping itu, dalam seni bina rumah Diraja Kelantan, "Rumah Ibu" mempunyai 16 batang tiang bagi membezakan dengan rumah rakyat biasa yang mempunyai 12 batang tiang.

Tanda binaan diraja ialah rumah ibunya mempunyai pintu masuk tanpa tangga dan lantainya 8 - 10 kaki dari aras tanah, iaitu menyamai ketinggian gajah bagi membolehkan mereka memasuki rumah tersebut dari kepala gajah tanpa turun demi menjaga maruah dan darjat. Di dinding rumah ini juga mempunyai

ukiran kayu yang bermotifkan flora yang menarik dan masih terpelihara dari anjung pintu masuk sehingga ke ruang dalam rumah ini. Lawatan kami ini telah mendapat kerjasama yang baik daripada pihak ATMA. Rumah Tengku Fatimah Zaharah ini perlu dijaga dan dipelihara dengan baik bagi mengekalkan struktur asal rumah ini. Pelbagai aktiviti dapat dijalankan oleh Jabatan Muzium

Malaysia dan pihak ATMA bagi menyemarakkan Taman Pantun UKM ini supaya dikunjungi pelawat dan tidak ditinggalkan sepi. Apa yang lebih penting, kewujudan rumah Tengku Fatimah Zaharah di Taman Pantun adalah di harapkan dapat mendidik masyarakat untuk menghargai serta memelihara budaya diwarisi.





EMAS KILAUAN MENAWAN DI MUZIUM PERAK

Oleh: **Azlina binti Ariffin**, Bahagian Pendaftaran (azlina@jmm.gov.my)

Pada abad ke 18 dan ke 19, kebanyakan emas terbaik telah direka oleh tukang-tukang yang mahir. Tukang-tukang emas ini lazimnya diletakkan secara khusus di bawah naungan istana untuk menghasilkan peralatan regalia seperti makhota, keris diraja, pending, tali pinggang, dan cokmar. Pada zaman silam, peralatan yang diperbuat daripada emas digunakan sebagai barang perhiasan mewah yang dipakai oleh golongan diraja, bangsawan dan orang berada. Emas juga dijadikan sebagai perhiasan diri oleh wanita seperti cincin, anting-anting, gelang tangan, caping dan sebagainya.

Selain itu, emas juga terdapat pada senjata seperti pendokok keris, mata keris, dan sarung keris. Namun, ia juga digunakan dalam hiasan koleksi tekstil seperti songket atau tekatan. Bersempena Program Muzium

bersama komuniti di Muzium Perak, Taiping pada 6 - 7 Julai 2013, Bahagian Pendaftaran, Jabatan Muzium Malaysia telah ditugaskan untuk mengenal pasti koleksi emas terpilih bersempena "Pameran Emas Kilauan Menawan" untuk diketengahkan kepada masyarakat di negeri Perak khususnya di Taiping.

Sebanyak 61 koleksi terpilih telah dipamerkan selama dua hari di ruang pameran sementara di Galeri A Muzium Perak Taiping (Galeri Pameran Sementara). Antara koleksi tersebut termasuklah koleksi perhiasan diri, senjata, tekstil dan pelbagai koleksi lain yang berasaskan emas. Bagi memastikan segala perancangan berjalan lancar, Bahagian Pendaftaran telah melakukan proses kerja dan persiapan awal yang melibatkan kerja awalan seperti mendokumen,

membuat senarai semak koleksi dan memastikan koleksi tertentu telah dikonservasi sebelum dipamerkan. Seterusnya, ia diikuti dengan kerja pembungkusan koleksi, iaitu menyediakan tempat penyimpanan dan kotak pembungkusan khas berserta senarai semak supaya koleksi berada dalam keadaan yang selamat dalam perjalanan pergi dan balik.

Sememangnya program sebegini secara tidak langsung telah memberi pengalaman dan ruang bagi kita mempraktikkan etika dan prosedur yang betul dalam urusan mengurus dan mengendalikan koleksi. Dengan itu, kegiatan ini akan memberi kemahiran terutamanya apabila melibatkan urusan pergerakan koleksi bernilai Jabatan ke pameran-pameran luar pada masa akan datang.



PROGRAM CUTI SEKOLAH “STORY TELLING” DAN “PUPPET SHOW”

Oleh: **Hapizah binti Saaidin**, Bahagian Muzium Negara (hapizah@jmm.gov.my)

Sempena cuti sekolah pertengahan tahun, Muzium Negara telah mengadakan aktiviti “Story Telling” dan “Puppet Show” pada 1 dan 8 Jun yang lalu. Aktiviti yang diadakan ini adalah bagi memanfaatkan masa lapang para pelajar di samping mendedahkan warisan kebudayaan dan kesenian negara kepada mereka pada sepanjang cuti sekolah. Aktiviti ini dijalankan mulai pukul 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari bertempat di Ruang Penerokaan, Muzium Negara. Seramai 45 orang peserta telah mengikuti program tersebut. Mereka disajikan dengan cerita klasik yang bertajuk “Pengembaraan Sang Kancil dan Siapa Kuat”. Para peserta cilik amat kagum dengan konsep penceritaan yang menggunakan “puppet” binatang yang amat mencuit hati mereka.

“Puppet” dibawa dengan pelbagai watak dengan latar suara yang menarik melalui persembahan di pentas khas dengan diorama. Rata-rata ibu bapa dan kanak-kanak menyatakan aktiviti ini amat memberangsangkan dan memberi keseronokan kepada mereka. Mereka juga berharap agar Muzium Negara dapat mengadakan lebih banyak aktiviti sebegini khususnya pada musim cuti sekolah.





INTEGRASI KOMUNITI MELALUI PESTA LUN BAWANG

Oleh: **Rohana binti Husin**, Muzium Negara (rohana@jmm.gov.my)

Rau Aco merupakan pesta bersifat kebudayaan yang disambut secara besar-besaran oleh etnik Lun Bawang khususnya di daerah Lawas, Sarawak. Pesta Lu Bawang disambut dan diraikan setiap tahun dalam suasana meriah. Sambutan kali ke-26 pada tahun ini membawa tema "Metueh Ngeceku Do Rurum" dalam bahasa Lun Bawang yang bermaksud bersatu kita teguh.

Sambutan ini bukan hanya memenuhi pusingan kebudayaan tahunan etnik Lun Bawang bahkan ia sebenarnya lebih ke arah memupuk semangat muhibbah dan perpaduan dalam masyarakat.

Pelbagai aktiviti turut dijalankan sepanjang program yang bermula pada 31 Mei sehingga 2 Jun 2013 bertempat di dataran Bandar Lawas.

Antaranya tarian kebudayaan, persembahan muzik pancaragam buluh, pameran, sukan rakyat dan sebagainya. Walaupun tempoh sambutan ini adalah satu tempoh yang singkat, namun dikalangan pengunjung yang hadir terdiri daripada pelbagai etnik lain seperti Melayu Brunei, Kedayan, Murut dan Cina dari daerah di sekitar termasuk pengunjung dari luar





kawasan yang berpeluang melihat sendiri cara kehidupan dan adat resam masyarakat Lun Bawang secara dekat.

Salah satu pengalaman ketika penulis berada di sana ialah merasai aktiviti harian penduduk di perkampungan nelayan di Kampung Punang yang majoriti sumber pendapatan utama penduduk disini ialah melalui hasil tangkapan ikan. Antara produk terkenal yang

dihasilkan ialah ikan Tahai, baju kulit kayu, manik dan barangan kraftangan. Acara simbolik yang turut menjadi acara tahunan pesta ini ialah pertandingan pemilihan Ruran Ulung (ratu) dan Padan Liu' Burung (pahlawan) yang dilihat sebagai penyuntik semangat muhibbah dan persefahaman.

Semangat ini perlu diterap khususnya kepada golongan muda. Aspek ini bukan sahaja dinilai dari segi

kecantikan fizikal tetapi mempunyai keistimewaan lain selain mengekalkan ciri-ciri budaya dan amalan tradisi Lun Bawang. Antara cabaran-cabaran yang mesti dilakukan oleh peserta wanita ialah menumbuk dan menampi beras manakala peserta lelaki pula dikehendaki membelah rotan, memotong kayu dan memanah.





BENKEL PENGURUSAN SENI SUARA

Oleh: **Wan Rahazila binti Wan Rani**, Unit Latihan JMM (rahazila@jmm.gov.my)

Pada 19 Jun 2013, Jabatan Muzium Malaysia telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Seni Suara di Bilik Persidangan Aras 2 Jabatan Muzium Malaysia. Bengkel ini diadakan bertujuan mempelajari teori dan amali dalam nyanyian koir.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk:

- Mempelajari teknik harmoni berdasarkan gabungan suara Soprano, Alto, Tenor dan Bass.
- Memperbaiki dan mempertingkatkan keupayaan vokal kumpulan Koir Jabatan.



Seramai 24 peserta telah menyertai bengkel ini yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Muzium Malaysia sendiri (Gred 1 – Gred 41). Diharapkan bengkel ini dapat memberi manfaat kepada para peserta tentang kaedah dan teknik penggunaan suara dalam menyampaikan sesebuah lagu dalam persembahan Koir Jabatan.





PROGRAM KECEMERLANGAN KERJA KE KEDAH, PERLIS DAN PULAU LANGKAWI

Oleh: **Wan Rahazila binti Wan Rani**, Unit Latihan JMM (rahazila@jmm.gov.my)

Jabatan Muzium Malaysia telah menganjurkan Program Kecemerlangan Kerja (Lawatan Keilmuan) ke Kedah, Perlis dan Pulau Langkawi yang diadakan dari 20 hingga 23 Jun 2013.

Objektif utama program ini adalah untuk:

- Memupuk dan menanamkan semangat cintakan muzium, sejarah dan negara.
- Mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan warga muzium.
- Mendedahkan warga muzium dengan komuniti di luar pentadbiran.
- Dapat meningkatkan semangat kekitaan dalam kalangan warga muzium.

Program ini juga adalah merupakan program yang dirangka khusus bagi menghargai sumbangan dan iltizam warga Jabatan Muzium Malaysia. Seramai 40 peserta telah menyertai program ini yang terdiri daripada 30 orang peserta dari Jabatan Muzium Malaysia sendiri (Gred 1 – Gred 38), selebihnya peserta dari muzium-muzium negeri. Diharapkan kursus ini dapat memberi manfaat kepada para peserta tentang konsep pemuziuman yang terdapat di Kedah, Perlis dan Langkawi.





PROGRAM SUKARELAWAN MUZIUM MELAWAT IPOH

Oleh: **Wan Rahazila binti Wan Rani**, Unit Latihan JMM (rahazila @jmm.gov.my)

Pada 30 Mei 2013, Jabatan Muzium Malaysia telah menganjurkan Program Sukarelawan Muzium Melawat Ipoh selama sehari.

Objektif utama program ini adalah untuk:

- Memberi pendedahan kepada sukarelawan muzium tentang tempat-tempat bersejarah yang terletak di bandar raya Ipoh.
- Mengeratkan silaturahim antara sukarelawan muzium dan kakitangan Jabatan Muzium Malaysia.

Tempat-tempat menarik yang dilawati ialah Heritage Walk, di sekitar bandar raya Ipoh, Falim House, Muzium Bijih Timah Batu Gajah dan Muzium Bijih Timah Kampar. Program ini melibatkan 32 orang peserta yang terdiri daripada 26 orang sukarelawan dan 6 orang kakitangan Jabatan Muzium Malaysia.






KERONGSANG

Kerongsang yang sangat indah berbentuk hati dan ditatah dengan kilauan menawan batu delima dan nilam. Kerongsang yang dihasilkan oleh tukang Cina ini dipakai oleh wanita Nyonya dan Melayu.

REBAB MELAYU

Rebab merupakan alat muzik bertali yang digesek. Badannya seakan-akan segi tiga dengan muka badannya ditutupi kulit perut lembu. Sebuah bonggol kecil yang diperbuat daripada lilin lebah (dinamakan susu) dipasangkan di sebelah kiri pusat badan. Bahagian kepala dihiasi ukiran bermotif pucuk rebung dan diwarnakan dengan pelbagai warna.



TUMBUK LADA

Tumbuk Lada merupakan salah satu koleksi senjata pendek yang terdiri daripada komponen hulu dan sarung. Hulu diperbuat daripada kayu kemuning hitam dipadankan dengan perak berukir bunga menggunakan kaedah pintalan menghasilkan corak hiasan hulu yang cukup cantik. Sarung pula diperbuat daripada kayu yang dililit logam di badan dan perak berukir di bahagian hujung sarung. Panjang: 33.5 cm.



TERBITAN TERBAHARU

JUDUL : **Sejarah Ringkas Bahasa Melayu**
 TAHUN : **2012**
 ISBN : **978-967-0372-07-5**
 MUKA SURAT : **118**

Buku ini memaparkan secara ringkas sejarah bahasa Melayu dalam peredaran zaman mulai dari zaman awal seperti yang terdapat dalam bukti-bukti sejarah, misalnya batu-batu bersurat, dan juga surat, dokumen serta naskah. Kandungan buku ini menjelaskan peranan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* dan bahasa yang digunakan dalam berbagai-bagai bidang kehidupan dari dahulu hingga sekarang. Perubahan sosial dan faktor-faktor yang membawa kepada pembinaan bahasa juga mempunyai perkaitan yang erat dengan dasar bahasa yang diamalkan dalam negara. Adanya dasar bahasa yang jelas telah dapat membawa bahasa Melayu ke taraf yang tinggi sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa utama dalam sistem pendidikan. Bahasa Melayu sering kali dirujuk sebagai bahasa rumpun Melayu, dan dengan itu orang Melayu juga dianggap sebagai anggota daripada rumpun Melayu. Dalam hal ini, kata "rumpun" membawa pengertian yang pelbagai sifatnya. Penjelasan tentang pengertian itu juga merupakan salah satu tajuk di dalam buku ini.



JUDUL : **Muzium Tekstil Negara**
 TAHUN : **2012**
 ISBN : **978-967-0372-05-1**
 MUKA SURAT : **234**

Buku mewah ini merupakan sumber maklumat lengkap tentang Muzium Tekstil Negara. Muzium ini ditempatkan di sebuah bangunan warisan yang bercirikan seni bina Moorish. Bangunan ini pernah digunakan oleh pelbagai jabatan dan institusi sebelum dibaik pulih dan dijadikan muzium pada bulan Oktober 2007. Bangunan ini direka bentuk oleh arkitek British bernama A.C. Norman, telah siap

dibina pada tahun 1905. Muzium ini telah dibuka kepada orang ramai pada bulan Januari 2010. Muzium Tekstil Negara membawa anda meneroka kekayaan kepelbagaian tekstil dalam masyarakat Malaysia. Muzium ini menjejak aliran dan perkembangan tekstil yang telah mempercirikan dan membentuk gaya hidup masyarakat Malaysia sejak zaman pra-sejarah hingga kini. Pengunjung dapat melawat empat galeri; Pohon Budi, Pelangi, Teluk Berantai dan Ratna Sari yang mempamerkan koleksi tekstil tersohor, aksesori dan pakaian. Galeri kelima, Saindera menempatkan pameran bertema dan program awam.



MUZIUM TEKSTIL NEGARA

Muzium Tekstil Negara merupakan sebuah muzium khusus yang berperanan mengumpul, menyelidik, memelihara, mendokumentasi dan mempamerkan koleksi tekstil negara. Muzium ini dibina berdasarkan kepada pengamatan dan kesedaran bahawa keunikan, kehalusan dan nilai estetika yang terdapat pada koleksi tekstil di Malaysia terutamanya hasil kerja tangan tradisional oleh masyarakat berbilang etnik seperti Melayu, Cina, India, Orang Asli, pribumi Sabah dan Sarawak adalah tidak ternilai harganya dan perlu dipelihara sebagai warisan kebangsaan.

Muzium Tekstil Negara ditempatkan di Bangunan JKR 26 di Lot 50 Seksyen 70, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur. Muzium ini membawa anda meneroka kekayaan kepelbagaian tekstil dalam masyarakat Malaysia. Muzium ini menjejak aliran dan perkembangan tekstil yang telah

mempercirikan dan membentuk gaya hidup masyarakat Malaysia sejak zaman prasejarah hingga kini.

Pengunjung dapat melawat empat buah galeri; Pohon Budi, Pelangi, Teluk Berantai dan Ratna Sari yang mempamerkan koleksi tekstil tersohor, aksesori dan busana. Galeri kelima, Saindera memuatkan pameran bertema dan program awam. Muzium Tekstil Negara telah memperagakan sebanyak 486 koleksi tekstil dan perhiasan diri yang terdiri daripada koleksi Jabatan Muzium Malaysia.

Sejak tahun 1963, koleksi tekstil dan aksesori telah bertambah dengan pembelian hadiah, sumbangan atau diwarisi. Antara koleksi terpilih yang diperagakan termasuklah kain patola/cindai, kain pelangi, batik kotak, jubah pengantin broket Cina, kain sari, pua kumbu, kain pis, songket, kain tenun Pahang, kain limar berayat, kain

telepuk, tikar belangkat (sejadah), serta selendang kelingan. Manakala pending dan celepa emas diraja Terengganu merupakan koleksi terunggul yang dipamerkan dan telah disenaraikan sebagai Objek Warisan Ketara di bawah Daftar Warisan Kebangsaan 2009.





Jabatan Muzium Malaysia

Muzium-muzium di bawah

JABATAN MUZIUM MALAYSIA

www.jmm.gov.my



MUZIUM NEGARA,
KUALA LUMPUR



MUZIUM ADAT,
JELEBU, NEGERI SEMBILAN



MUZIUM DIRAJA,
KUALA LUMPUR



MUZIUM PERAK,
TAIPING, PERAK



GALERI PERDANA,
LANGKAUI



MUZIUM MATANG,
PERAK



MUZIUM ARKEOLOGI
LEMBAH BUJANG, KEDAH



MUZIUM SUNGAI LEMBING,
PAHANG



MUZIUM CHIMNEY,
LABUAN



MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI,
KUALA LUMPUR



MUZIUM SENI BINA MALAYSIA,
BANDAR HILIR, MELAKA



MUZIUM KOTA KUALA KEDAH,
KEDAH



MUZIUM KOTA KAYANG,
PERLIS




MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL,
SEPANG



MUZIUM KOTA JOHOR LAMA,
JOHOR



MUZIUM LABUAN,
LABUAN



MUZIUM ETNOLOGI DUNIA MELAYU,
KUALA LUMPUR



MUZIUM TEKSTIL NEGARA,
KUALA LUMPUR



MUZIUM MARIN LABUAN,
LABUAN



MUZIUM LUKUT,
NEGERI SEMBILAN



MUZIUM ALAM SEMULA JADI,
PUTRAJAYA

KUNJUNGILAH
MUZIUM

Jabatan Muzium Malaysia,

Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur

Tel.: (+603) 2267-1000 (+603) 2282-6255 Faks: (+603) 2282-6434 <http://www.jmm.gov.my>